



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

Bil. 51

Khamis

23 November 2017

K A N D U N G A N

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

○ **Memohon Pembinaan Tali Air Konkrit di
Parlimen Bagan Serai**

– *YB. Dato' Dr. Haji Noor Azmi Bin Ghazali (Bagan Serai)*

[Halaman 1]

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA
Khamis, 23 November 2017**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Memohon Pembinaan Tali Air Konkrit
di Parlimen Bagan Serai**

2.34 ptg.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi Bin Ghazali [Bagan Serai]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada perkara di atas, saya ingin mengemukakan usul berkenaan perkara tadbir kerajaan di bawah Peraturan Mesyuarat 17 kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani mengenai permohonan membina tali air konkrit di Parlimen Bagan Serai bagi menggantikan sistem saluran lama yang telah digunakan sejak dahulunya. Daerah Kerian merupakan kawasan jelapang padi terbesar di Perak dengan keluasan 80,000 hektar. Dengan adanya tali air konkrit yang baharu, ia mampu mengatasi beberapa masalah yang dihadapi petani di sini sehingga menyebabkan mereka mengalami kerugian setiap musim.

Antara masalah dihadapi ialah serangan ancaman baru spesies eksotik *Cabomba Furcata*, sejenis rumpai ekor kucing oleh Orang Asli di kawasan Tasik Chini. Kehadiran rumpai ekor kucing (*Cabomba Furcata*) ini mula dikesan di Empangan Bukit Merah pada lima tahun lepas dan mula merebak ke kawasan pengairan terutamanya di terusan utama dan tali air sekunder di Kompartmen 'D' pada tiga tahun lepas. Sehingga kini, 30 peratus tali air di Daerah Kerian telah ditumbuhi rumpai ini dan kehadirannya menghalang aliran air semasa pembekalan.

Tiada kawalan yang berkesan ke atas rumpai ekor kucing ini buat masa sekarang. Jika ingin menggunakan kawalan kimia (meracun), dikhuatiri ia akan mendatangkan risiko keracunan pada hidupan lain dan risiko kerintangan rumpai pada racun. Kawalan mekanikal atau manual kurang berkesan sebab kadar pertumbuhannya sangat tinggi. Tiada agen biologi yang sesuai untuk kawalan biologi sebab ia merupakan spesies eksotik di mana musuh semula jadinya tiada di Malaysia. Maka, langkah pencegahan amat penting untuk memastikan rumpai ekor kucing ini tidak merebak ke kawasan pengairan yang lain di Malaysia dan menaikkan taraf tali air daripada tanah kepada konkrit merupakan penyelesaian kepada masalah ini. Sekian, terima kasih.

2.37 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam sehati sejiwa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan Serai. Bagi menjawab pertanyaan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, sukacita saya memaklumkan di sini bahawa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memang menyedari bahawa adanya keperluan untuk kita menaik taraf tali air pengairan di kawasan jelapang padi ini bagi memastikan bekalan air yang cukup yang diperlukan oleh tanaman padi kita di sawah-sawah. Dengan sebab itu, dari semasa ke semasa, kerajaan telah membuat beberapa projek pembangunan untuk menaik taraf tali air di jelapang padi di seluruh negara.

Bagi kawasan Yang Berhormat di Bagan Serai, kawasan sawah di sana keluasannya ialah 9,446 hektar, iaitu kira-kira 50 peratus daripada jumlah kawasan IADA Kerian ataupun jelapang padi Kerian di sana. Sukacita juga saya memaklumkan bahawa 80 peratus daripada tali air tersier iaitu saluran yang membawa air ke petak-petak sawah telah pun digantikan daripada tanah kepada konkrit 80 peratus. Cuma kira-kira 20 peratus sahaja lagi yang belum siap.

■1440

Selain daripada itu, tali air sekunder ataupun *secondary* dan juga tali air utama masih lagi belum kita mulakan projek untuk membina tali air konkrit. Ini bergantunglah kepada kewangan, tabung dana kitalah dari semasa ke semasa kita buat berperingkat-peringkat mengikut kemampuan dari segi kewangan. Akan tetapi memang menjadi hasrat kita untuk melengkapkan, bukan sahaja tali air tersier tetapi juga tali air

secondary atau sekunder dan juga tali air utama. Ini menjadi matlamat dalam perancangan kita.

Jadi, juga untuk saya maklumkan di sini bahawa kerja-kerja untuk membina tali air konkrit ini telah bermula sejak daripada tahun 2016 iaitu bermulanya Rancangan Malaysia Kesebelas dan akan diteruskan sehingga tahun 2020. Pada Rancangan Malaysia Kesebelas ini, peruntukan sebanyak RM71 juta telah pun diluluskan untuk pembangunan tali air konkrit ini dan sebahagiannya RM32 juta adalah dibelanjakan untuk pembangunan tali air konkrit di Bagan Serai, di kawasan Yang Berhormat sendiri, iaitu hampir separuh daripada peruntukkan RMKe-11.

Jadi, begitulah yang boleh saya laporkan di sini. Selain daripada itu, untuk makluman Yang Berhormatlah, walaupun nampaknya kita telah membuatkan banyak pembangunan dari segi tali air ini, tetapi yang penting ialah kita hendakkan pencapaian, peningkatan dari segi produktiviti. Setakat ini nampaknya daripada angka yang saya terima di sini, yang telah diberikan, peningkatan masih agak tidak seperti mana yang kita harapkan. Kita hendak capai 10 metrik tan, setakat ini baru 4.5 metrik tan. Hari itu apabila datangnya bencana *el nino*, produktiviti ini menurun kepada bawah empat metrik tan, per hektar. Jadi ini yang penting ialah *outcome* daripada projek tali air yang kita bangunkan untuk kawasan tersebut. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Isnin, 27 November 2017.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.43 petang]